

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN  
YANG TELAH DIODIT**

**BAGI**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 1975**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
PETALING JAYA**

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN  
YANG TELAH DIODIT**

**BAGI**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 1975**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
PETALING JAYA**

## ISI KANDUNGAN

<b>A. PENDAHULUAN</b>	1
i. Penubuhan Lembaga	
ii. Pindaan Akta Lembaga	
iii. Bidang aktiviti	
<b>B. ORGANISASI LEMBAGA</b>	2
i. Ahli-ahli Lembaga	
ii. Jawatan Yang Dipenuhi Dalam Tahun 1975	
iii. Organisasi FAMA	
<b>C. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN</b>	4
i. Kegiatan Pentadbiran	
ii. Kegiatan Kewangan	
<b>D. BAHAGIAN PERISIK DAN KEMAJUAN PASARAN</b>	5
i. <b>PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN</b>	5
1. Kajian Penggunaan Kobis Inggeris	
2. Kajian Pengeluaran dan Pemasaran Sayur, Johor	
3. Kajian Pengeluaran dan Pemasaran Kelapa, Kelantan	
4. Kajian Penilaian Lada Hitam, Johor	
ii. <b>PERISIK PASARAN</b>	7
1. Laporan Barangan Mingguan	
2. Kajian Potensi Pasaran	
3. Monthly and Quarterly Commodity Bulletin	
4. Pengendalian Harga Sayur Di Johor Bahru	
5. Makalah Ekonomi Pertanian	
6. Kajian Barangan	
iii. <b>PERANGKAAAN DAN MEMPROSES DATA</b>	8
1. Prestasi Tahun 1975	
2. Kemajuan Yang Dijangka Dalam Tahun 1976	
<b>E. PROJEK PEMBANGUNAN</b>	9
i. <b>KEMAJUAN PROJEK</b>	9
1. Pusat Memproses Kelapa Kering	
2. Kilang Minyak Kelapa	
3. Pusat Memproses Koko	
4. Peraturan Pemasaran Koko	
5. Peraturan Pemasaran Kacang tanah	
6. Skim Peraturan Sayur-Sayuran	
7. Skim Peraturan Buah-Buahan	
8. Kajian Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian	
9. Jawatankuasa Pemasaran Sayur-Sayuran	
ii. <b>KEJURUTERAAN</b>	10
1. Pusat Memproses Kacang tanah, Pasir Mas, Kelantan	

2.	Pusat Memproses Kelapa Kering, Sarawak	
3.	Pusat Memproses Kelapa Kering, Kelantan	
4.	Pusat Memproses Kelapa Kering, Johor	
5.	Pusat Memproses dan Menggred Lada Hitam	
6.	Projek Lembaga Pemasaran Ikan	
7.	Pusat-pusat Pemasaran	
8.	Kajian	
9.	Pusat Memproses Koko, Sabah Bernam	
10.	Pusat Memproses Kopi, Banting	
<b>F.</b>	<b>BAHAGIAN PEMASARAN</b>	<b>11</b>
i.	<b>KEMAJUAN PASARAN</b>	<b>11</b>
1.	Rombongan Perdagangan	
2.	Penyertaan Pameran	
3.	Program Memajukan Pasaran	
4.	Risalah Buah-Buahan Tempatan	
ii.	<b>PENGAWALAN PASARAN</b>	<b>12</b>
1.	Skim Pemasaran Kopi	
2.	Skim Pemasaran Kelapa	
3.	Skim Pemasaran Sayur	
<b>G.</b>	<b>PROJEK PERNIAGAAN</b>	<b>13</b>
i.	<b>PROJEK JUALBELI</b>	<b>13</b>
1.	Jumlah Perniagaan	
2.	Kekesanan Projek	
ii.	<b>OPERASI JUALBELI</b>	<b>14</b>
1.	Pusat Memproses Kopi, Kanchong Darat	
2.	Pusat Memproses Kelapa Kering, Sabak Bernam	
3.	Pusat Memproses Kelapa Kering, Bagan Datoh	
<b>H.</b>	<b>KIRA-KIRA TAHUNAN</b>	<b>15</b>

# LAPORAN TAHUNAN DAN AKAUN YANG TELAH DIODITKAN BAGI LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN MALAYSIA 1975

## A. PENDAHULUAN

Laporan ini ialah laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang meliputi tahun berakhir 31hb. Disember, 1975.

### i. Penubuhan Lembaga

Lembaga ini telah ditubuhkan pada 30hb. September, 1965 di bawah akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti berikut:—

1. Menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang-orang persemborion atau badan-badan pertubuhan (sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta) yang terlibat atau mungkin terlibat dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian.
2. Menimbang dan memajukan, jika perlu, cara untuk memperbaiki pasaran dan cara-cara pemasaran hasil-hasil pertanian dan untuk mencari serta memajukan pasaran dan saluran-saluran dan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian.

### ii. Pindaan Akta Lembaga

Akta Lembaga telah dipinda oleh Parlimen pada bulan Julai, 1973, di mana Lembaga telah diberi tugas-tugas tambahan seperti berikut:—

1. Menyediakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran hasil-hasil pertanian dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut digunakan dengan sepenuhnya, dan
2. Menurut serta dalam perusahaan memproses hasil-hasil pertanian.

Selain daripada itu pindaan ke atas Akta ini membolehkan Lembaga mengambil bahagian di dalam perniagaan hasil-hasil pertanian secara langsung tanpa mengujudkan rancangan-rancangan pemasaran atau menubuhkan jemaah pemasaran terlebih dahulu.

### iii. Bidang Aktiviti

Hasil-hasil pertanian yang ditanggungjawabkan kepada Lembaga di bawah akta ini dari segi pemasarannya ialah semua hasil-hasil pertanian kecuali padi dan beras, getah, kelapa sawit, tembakau, nenas, teh, ikan, ternakan termasuk ayam, itik, telur dan sebagainya.

Lembaga ini bertanggungjawab kepada Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya. Lembaga dibiayai oleh Kerajaan dengan pemberian wang (grant) secara langsung untuk perbelanjaan dan pembangunan dan wang pinjaman untuk rancangan-rancangan perniagaan.

Untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang tersebut di atas, Lembaga telah diberi kuasa-kuasa yang berikut:—

- i) Untuk menyelaraskan dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan pemasaran yang sedia ada dan badan-badan Kerajaan yang terlibat dalam pemasaran hasil-hasil pertanian supaya amalan-amalan pemasaran dapat diperbaiki dan kecekapan sistem pemasaran dipertingkatkan.
  - a) Mengadakan rancangan memperbaiki pasaran;
  - b) Menyediakan kemudahan-kemudahan pasaran seperti stor, pengangkutan, memproses, memeringkat mutu, kredit, dan sebagainya;
  - c) Mengawal mutu, cara-cara dan amalan pemasaran dan sebagainya; dan
  - d) Menjalankan penyiasatan pemasaran, kajian kemungkinan, penyiasatan dan penyelidikan, dengan tujuan untuk mengadakan satu asas yang teguh bagi merangka dasar-dasar dan rancangan-rancangan pemasaran yang bertujuan untuk memperbaiki sistem pemasaran.
- ii) Melindungi petani-petani dan pengguna-pengguna dari akibat turun-naik harga yang berlebihan bagi hasil-hasil pertanian.
- iii) Mengadakan suasana ekonomi dan sosial yang baik bagi memperkembangkan dan menambatkan pengeluaran, mempelbagaikan dan memajukan pertanian.
- iv) Mengadakan peluang pekerjaan yang lebih dalam sektor pemasaran pertanian, dan
- v) Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam semua rancangan-rancangan dan projek-projek yang dijalankan atau akan dijalankan oleh Lembaga.

## **B. ORGANISASI LEMBAGA**

### **i. Ahli-Ahli Lembaga**

Lembaga yang sebagaimana tercatat di bawah Seksyen 11 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, mempunyai 12 orang ahli. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. 10 orang ahli lain yang terdiri dari 5 orang ahli rasmi dan 5 orang ahli tidak rasmi dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan.

#### **Ahli-Ahli Rasmi:**

Pengerusi Lembaga	— Datuk Ishak bin Haji Pateh Akhir
Timbalan Pengerusi Lembaga	— Encik Abd. Rahman bin Haji Yusuf,
Wakil Perbendaharaan	— Encik Yaakob bin Abdul Hamid
Wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	— Encik Ahmad bin Haji Saadi
Wakil Kementerian Pertanian	— Encik Nurzid bin Mohd. Wali

Wakil Bahagian Pertanian, Kementerian Pertanian	– Y.B. Tan Sri Mohamad bin Jamal
Wakil Kementerian Perusahaan Utama	– Y.B. Tan Sri Tengku Ngan Mohamad bin Tengku Sri Akor
Wakil Yunit Penerangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	– Puan Rahmah bt. Hj. Abu Kassim/Syed Husin Wafa

#### **Ahli-Ahli Tidak Rasmi**

1. Y.B. Tan Sri Datuk Mohd Said bin Keruak
2. Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid
3. Y.B. Othman bin Aroff
4. Y.B. Che Lat bin Kassim
5. Y.B. Encik Hassan bin Ibrahim

Sepanjang tahun 1975, Lembaga telah bersidang hanya sekali dan Jawatankuasa Kerja Lembaga bersidang sebanyak 3 kali. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja adalah seperti berikut:—

1. Pengerusi Lembaga
2. Timbalan Pengerusi Lembaga
3. Wakil Perbendaharaan
4. Wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan
5. Wakil Yunit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
6. Encik Abdul Rahman bin Abd. Hamid

#### **ii. Jawatan Baru Yang Dipenuhi Dalam Tahun 1975**

Jawatan baru yang dipenuhi dalam tahun ini adalah seperti berikut:—

1. Akauntan (1)
2. Juru Odit (1)
3. Ahli Ekonomi Pertanian (5)
4. Perangkawan (1)
5. Jurutera Mekanik (1)
6. Pelukis Grafik (1)
7. Kerani Tingkatan Biasa (3)
8. Penyimpan Kira-Kira (1)
9. Kerani Komputer (1)
10. Juruteknik (2)
11. Stenografer (1)
12. Pembantu Pemasaran (4)

#### **iii. Organisasi FAMA**

Ketua organisasi Lembaga ialah Pengerusi dan Ketua Pentadbiran pula ialah Timbalan Pengerusi. Terdapat 4 orang Pengarah mengetuai 4 bahagian dan dibantu oleh 6 orang Penolong Pengarah, seorang Jurutera Kanan dan seorang Perangkaan Kanan dan kakitangan dari Jabatan-Jabatan yang berkenaan. Carta organisasi dapat dilihat di lampiran 1.

## C. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

### i. Kegiatan Pentadbiran

Pada tahun 1975 kakitangan Lembaga berjumlah sebanyak 208 orang. Keterangan lanjut dapat dilihat dalam Lampiran II.

Pihak Lembaga mengalami kesulitan untuk memenuhi jawatan Jurutera Awam. Langkah-langkah untuk memperolehi dari lain-lain Jabatan Kerajaan atau dari luar negeri melalui Kementerian hingga setakat ini belum ada apa-apa kejayaan. Jawatan ini sangatlah perlu memandangkan beberapa projek Lembaga yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Sebanyak lapan orang kakitangan telah meletak jawatan masing-masing dalam tahun ini. Jawatan-jawatan yang telah dikosongkan itu ialah:—

1. Ketua Ahli Ekonomi Pertanian (1)
2. Ahli Ekonomi Pertanian (1)
3. Pegawai Tadbir (1)
4. Stenografer (1)
5. Pembantu Pemasaran (3)
6. Penolong Pembantu Penyelidik (1)

Bilangan pegawai tingkat A yang meletakkan jawatan adalah kecil dibandingkan dengan tahun 1974. Walaupun terdapat beberapa jawatan penting seperti Ahli Ekonomi dan Pegawai Tadbir yang mesti dipenuhi semula, tetapi ianya tidak dapat dilaksanakan kerana dasar Kerajaan telah membekukan pengambilan kakitangan bagi jawatan kosong pada tahun ini.

Pengambilan kakitangan untuk Pusat Memproses Kelapa Kering Hilir Perak dijalankan pada tahun ini. Sebanyak 15 orang kakitangan telah diambil di mana jawatan-jawatan ini bersangkutan dengan pengawasan dan buruh. Lembaga menghadapi kesulitan untuk mendapatkan Penyimpan Kira-Kira kerana tawaran-tawaran yang lebih baik di bandar berbanding dengan kawasan-kawasan pedalaman.

Dalam tahun ini skim gaji Harun telah dilaksanakan. Kebanyakan kakitangan mendapat kemudahan wang simpanan dari kemudahan pencen. Isu berkenaan dengan skim gaji dapat dibereskan, cuma beberapa isu seperti FAMA SPF, skim kumpulan insuran yang akan diselesaikan oleh PSD.

Bagi latihan lanjutan dua orang pegawai telah dihantar menjalani kursus pemasaran hasil-hasil pertanian di Australia dan menghadiri kajian bengkel di Hawaii. Lawatan sambil belajar ke Filipina, Hong Kong dan Thailand untuk menilai dan mengkaji aspek-aspek pemasaran hasil-hasil pertanian juga dijalankan. Walaubagaimanapun setakat ini belum ada kemudahan yang dapat diberikan kepada pegawai-pegawai tingkatan B untuk menghadiri kursus-kursus seberang laut.

Pihak Lembaga juga menyediakan kemudahan-kemudahan latihan dan penyiasatan untuk institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti ITM, USM, UM, Politeknik Ungku Omar juga untuk pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia. Pengajian jangka pendek tentang pemasaran hasil-hasil pertanian juga diadakan untuk dua orang pegawai dari Indonesia dan Papua New Guinea.



Kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Intan, MIM dan NPC untuk melatih kakitangan di semua peringkat dapat digunakan sepenuhnya. Program-program juga diadakan di Ibupejabat bagi semua pegawai-pegawai di peringkat negeri dan daerah untuk membincang dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi terutamanya yang bersangkutan dengan pelaksanaan program Buku Hijau.

## ii. **Kegiatan Kewangan**

Dalam tahun ini Lembaga mendapat seorang akauntan untuk mengurus hal ehwal kewangan. Bahagian ini telah mengawal pembedaan dan pembaharuan sistem-sistem simpanan kira-kira di pejabat-pejabat negeri dan pusat memproses. Dengan kekesanan latihan dari pengalaman, adalah diharapkan pembedaan kerja-kerja simpanan kira-kira di peringkat negeri dan pusat memproses dapat dikurangkan.

Dengan pelaksanaan skim gaji baru Harun, bahagian ini menumpukan usaha menukar tanggagaji lama kepada yang baru dan pembayaran balik tunggakan. Oleh kerana peruntukan tahun ini tidak termasuk pembayaran bonus dan tunggakan, jumlah perbelanjaan melebihi daripada yang dijangkakan. Jumlah ini termasuk pembayaran elaun kakitangan mengikut skim gaji baru.

Pinjaman untuk kenderaan ditingkatkan dari \$100,000 kepada 150,000. Kenaikan pinjaman ini berdasarkan kepada pertambahan kakitangan dan kenaikan harga kenderaan. Dengan peruntukan yang bertambah, masalah-masalah permohonan pinjaman dapat diselesaikan.

Sekim pinjaman perumahan dimulakan pada tahun ini, dengan penyediaan dokumen-dokumen yang perlu pada peringkat permulaannya. Walaubagaimana pun hanya 5 permohonan yang diterima hingga akhir tahun ini. Dijangkakan pinjaman perumahan yang pertama dapat dikeluarkan awal tahun 1976 apabila permohonan-permohonan siap diproses.

Bahagian ini juga terlibat dengan pendaftaran kakitangan untuk pembayaran kepada EPF. Dengan ini semua pembayaran kakitangan dibuat melalui FAMA SPF. Bagaimana pun ini belum dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh PSD dan skim kumpulan insuran bersangkutan dengan wang pendahuluan dalam FAMA SPF.

## D. **BAHAGIAN PERISIK DAN KEMAJUAN PASARAN**

### I' **PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN**

#### **KEMAJUAN YANG DICAPAI DALAM TAHUN 1975**

Sebanyak empat penyelidikan pertanian telah dijalankan untuk memperolehi data-data asas bagi kemudahan projek yang akan dijalankan.

#### 1. **Kajian Penggunaan Kubis Inggeris**

Tujuan kajian ini dijalankan ialah memperolehi keterangan-keterangan tentang penggunaan Kubis Inggeris termasuklah kuantiti dan harganya. Kajian ini meliputi 61 pemborong dan 25 pengimport di Ipoh dan Kuala Lumpur. Jangkamasa kajian ini dijalankan daripada 15hb. Mei hingga 23hb. Jun.

## 2. **Kajian Pengeluaran dan Pemasaran Sayur-sayuran, Tangkak, Johor**

Kajian pengeluaran dan pemasaran sayur-sayuran bertujuan untuk:

- a. Memperolehi data mengenai pengeluaran sayur-sayuran di kawasan Tangkak.
- b. Memperolehi keterangan berkenaan dengan hutang piutang dan pengangkutan ke pasar-pasar.

Kajian ini dibuat meliputi bandar Tangkak dan kawasan 5 batu di sekitarnya.

Dalam menjalankan kajian ini tiga peringkat telah dibuat iaitu:

- a. Pemetaan dan penyenaraian bermula dari 7hb. Ogos hingga 13hb. Ogos, 1975;
- b. Temuduga peringkat pertama dari 14hb. Ogos hingga 30hb. Ogos, 1975; dan
- c. Temuduga peringkat kedua ini dari 6hb. September hingga 18hb. September, 1975.

Penghitungan yang lengkap dari petani dan pengedar dibuat bertujuan untuk mendapatkan data yang menyeluruh bagi menjalankan kajian ini.

## 3. **Kajian Pengeluaran dan Pemasaran Kelapa, Kelantan**

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat yang lengkap bagi memudahkan lagi melaksanakan projek pusat memproses kelapa kering di Kelantan. Kajian yang dijalankan ini termasuklah:

- a. Menentukan jumlah pengeluaran kelapa bagi setahun, dan nisbah kelapa yang diproses menjadi kelapa kering di peringkat ladang.
- b. Menilai sejauh mana perusahaan kelapa ini menjadi mata pencarian utama di tempat ini.
- c. Menentukan sejauh mana petani-petani bergantung kepada sistem pemasaran yang sedia ada dan sebab-sebabnya.
- d. Meninjau dengan lebih mendalam tentang sistem pemasaran yang sedia ada.
- e. Menentukan nisbah kelapa yang diproses menjadi kelapa kering dan kelapa kering menjadi minyak pada tiap-tiap peringkat pendedaran.

Kajian ini dibuat meliputi kawasan Tumpat, Kota Bharu, Bachok, Pasir Putih dan Kuala Besut (Trengganu). Ianya bermula dari 7hb. Ogos hingga 27hb. November, 1975.

## 4. **Kajian Penilaian Lada Hitam, Johor**

Kajian ini bermatlamat menilai aspek-aspek pengawalan Skim Pemasaran Lada Hitam, di mana perkara-perkara yang berikut diperlukan:

- a. Memastikan kejayaan yang dicapai semenjak sekim ini dilaksanakan.
- b. Mencari apa-apa kesilapan yang boleh melemahkan kemajuan skim ini.
- c. Merangka strategi-strategi yang boleh melicinkan lagi pelaksanaan skim ini.
- d. Menggambarkan perkara-perkara yang patut dikekalkan dalam pelaksanaan skim ini.

Kajian ini yang dijalankan dalam negeri Johor meliputi 22 kawasan tanaman lada hitam berjumlah 1,737 ekar semuanya. Tempat-tempat yang terkenal adalah Kelapa Sawit, Kengkar Pulai, Bukit Batu dan Sedenak. Jangka masa kajian ini bermula dari 15hb. Disember, 1975 hingga 28hb. Februari, 1976. Nisbah 1:3 peladang di kawasan-kawasan yang disebutkan di atas digunakan untuk penghitungan, dan ianya berjumlah sebanyak 308 pengeluar.

Dalam tahun ini komputer perangkaan telah diperkenalkan untuk memproses dan menyusun data-data yang diterima terutamanya dari kajian-kajian yang telah dijalankan. Projeksi perangkaan dan ramalan hanya adalah di antara kerja-kerja yang dijalankan oleh mesin komputer ini.

Dalam program pengutipan harga, harga-harga di peringkat borong dan runcit untuk semua barangan yang di bawah tanggungjawab Lembaga siap dibuat. Program ini meliputi tiap-tiap bandar, negeri di seluruh Semenanjung dan bandar-bandar besar di Sarawak. Harga di peringkat ladang juga telah diperolehi dan semua data-data ini disiarkan dalam Warta Barangan, Commodity Bulletin dan Quarterly Commodity Statistics.

## **PERISIK PASARAN**

### **KEMAJUAN YANG DICAPAI DALAM TAHUN 1975**

#### **1. Laporan Barangan Mingguan**

Laporan Barangan Mingguan ini mula disiarkan sejak tahun 1974 dan telah dipergiatkan lagi dalam tahun 1975 bagi kemudahan pegawai-pegawai FAMA daerah menjalankan tugas jual beli Lembaga. Laporan ini membuat penganalisaan ke atas turun naik harga kelapa, kopi, kobis Inggeris dan sayur-sayuran di Johor Baharu. Laporan ini telah dipergiatkan lagi dengan menambah jenis-jenis barangan koko, kacang tanah dan biji-bijian seperti jagung, kacang soya, sekoi, kek minyak, kelapa sawit dan kelapa kering. Oleh sebab ia mendapat sambutan dari pihak awam pengedaran laporan ini diperbesarkan lagi termasuklah kepada pejabat-pejabat RISDA, FELDA dan rancangannya, pejabat-pejabat KEMAS dan ahli-ahli Lembaga.

#### **2. Kajian Potensi Pasaran**

Berbagai-bagai kajian potensi pasaran telah dijalankan dalam tahun 1975. Ini bertujuan memastikan permintaan barangan yang dicadangkan dan Rancangan Buku Hijau di Semenanjung juga permintaan luar negeri. Dalam tahun ini kajian yang telah siap dan disiarkan oleh Jabatan ini ialah:

- |           |                                  |
|-----------|----------------------------------|
| a. Halia  | d. Ikan Air tawar                |
| b. Telur  | e. Sayur-sayuran                 |
| c. Daging | f. Kacang tanah musim kedua 1975 |

### 3. **Monthly and Quarterly Commodity Bulletins**

Resensi pasaran dan barangan diambil setiap masa untuk disiarkan dalam Monthly Commodity Bulletin dan Quarterly Commodity Statistic. Maklumat-maklumat yang dimuatkan dalam majallah ini termasuklah penganalisan harga di peringkat ladang, kilang, pengedar, peruncit dan pengeksport.

### 4. **Pengendalian Harga Sayur-sayuran di Johor Baharu**

Jabatan ini seterusnya mengendalikan harga di peringkat ladang dan runcit. Pengendalian ini dijalankan dengan pengutipan maklumat tiap-tiap minggu.

### 5. **Makalah Ekonomi Pertanian**

Volume 6 No. 1 telah diterbitkan mengikut jadualnya, akan tetapi volume 6 No. 2 tidak dapat dicetak mengikut jadual oleh kerana kekurangan bahan-bahan yang akan dimuatkan.

### 6. **Kajian Barangan**

Cetakan ini telah dibuat dalam dua siri. Siri yang pertama adalah untuk diedarkan kepada pengeluar-pengeluar manakala siri kedua diedarkan kepada orang ramai. Dalam tahun 1975 sebanyak dua keluaran telah diterbitkan, iaitu:

- No. 1 Kacang tanah dan
- No. 2 Tembikai

Matlamat keluaran ini ialah untuk memberi penerangan kepada petani dan orang ramai bagi menentukan apakah jenis barangan yang patut ditanam.

## iii. **PERANGKAAAN DAN MEMPROSES DATA**

### 1. **PRESTASI DALAM TAHUN 1975**

#### a. **Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980)**

Cadangan Lembaga untuk Rancangan Malaysia Ketiga telah siap diodit, disusun dan diserahkan pada bulan Mac 1975.

#### b. **Rancangan Malaysia Kedua (1971–1975)**

Penyerahan laporan bulanan/suku tahun pembangunan projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua disambung. Ini termasuklah penyediaan borang komputer kepada Kementerian Pertanian dan Perbendaharaan.

c. **Cadangan Peruntukan Kemajuan Sementara**

Penyediaan dan penyerahan cadangan peruntukan Kemajuan Sementara untuk tahun 1976 telah disiapkan dalam tahun ini.

d. **Penilaian Sekim Pemasaran Kopi**

Laporan mengenai Sekim Pemasaran Kopi juga dapat disiapkan dalam tahun ini.

e. **Penilaian Sekim Pemasaran Lada Hitam**

Jabatan Perangkaan telah menyiapkan laporan mengenai Penilaian Sekim Pemasaran Lada Hitam di Johor. Penghitungan yang sebenar telah dijalankan dalam bulan Disember 1975 dan ianya dijangkakan siap pada bulan Februari 1976.

**E. PROJEK PEMBANGUNAN**

i. **KEMAJUAN PROJEK**

1. **Pusat Memproses Kelapa Kering**

Kajian kemungkinan untuk mendirikan Pusat-Pusat Memproses Kelapa Kering di Rengit (Johor), Bachok (Kelantan), Jeram (Selangor) dan Sebangon (Sarawak) telah siap dijalankan. Kerja peringkat permulaan seperti permohonan tanah akan dibuat pada tahun hadapan.

2. **Kilang Minyak Kelapa**

Pemilihan tapak dijalankan untuk menampung Kilang Minyak Kelapa di Hilir Perak. Kilang ini yang memproses kelapa kering FAMA dapat mengeluarkan 50 tan minyak sehari.

3. **Pusat Memproses Koko**

Kerja-kerja permulaan telah dijalankan untuk membina sebuah pusat memproses yang boleh memproses 10 tan biji koko sehari. Biji koko ini diperolehi dari pekebun-pekebun kecil di kawasan Sabak Bernam (Selangor) dan Hilir Perak. Tanah untuk pusat ini telah pun diperolehi.

4. **Peraturan Pemasaran Koko**

Kajian untuk melaksanakan skim peraturan pemasaran koko telah siap dijalankan dan satu laporan mengenai cadangan peraturan siap dikemukakan. Peraturan ini bertujuan untuk melaksanakan program kawalan dengan memuaskan.

5. **Peraturan Pemasaran Kacang Tanah**

Satu rangka peraturan untuk skim perlesenan kacang tanah telah disiapkan untuk pertimbangan pihak Lembaga. Peraturan ini membolehkan pihak Lembaga mengawal aktiviti-aktiviti pengedaran dan menyekat perkara-perkara yang tidak sihat. Peringkat mulanya peraturan ini akan dikenakan di negeri Kelantan, Perak dan Trengganu.

6. **Skim Peraturan Sayur-Sayuran**

Skim Peraturan Sayur-Sayuran mula diperkenalkan di negeri Johor dan berkuatkuasa mulai 1hb Mac, 1975. Di bawah skim ini, aktiviti-aktiviti pengedaran dapat dikawal dan amalan-amalan yang tidak sihat dapat dikurangkan. Kawalan ke atas pemasaran pengedar-pengedar dan eksport sayur-sayuran dari kawasan tertentu dapat diuruskan dengan lebih sempurna.

7. **Skim Peraturan Buah-Buahan**

Satu skim peraturan buah-buahan telah siap dirangka untuk melesen dan menambah belian buah-buahan di Semenanjung.

8. **Kajian Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian**

Jabatan ini dalam tahun 1975 siap membuat kajian pemasaran jagung, ubikayu, buah-buahan dan lain-lain hasil pertanian.

9. **Jawatankuasa Pemasaran Sayur-Sayuran**

Beberapa kertas kerja berkenaan dengan aspek-aspek pemasaran hasil pertanian telah disiapkan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa bila ianya diperlukan.

ii. **KEJURUTERAAN**

1. **Pusat Memproses Kacang Tanah, Pasir Mas, Kelantan**

Pelan dan dokumen mengenai tender kerja-kerja awam, kejuruteraan dan elektrik telah pun siap. Jabatan Kejuruteraan akan mengawal pembinaan pusat ini seterusnya.

2. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Sebangon, Sarawak**

Pemilihan tapak untuk pembinaan Pusat Memproses dan Pemingkatan Mutu Kelapa Kering di Sebangon telah pun siap. Pengambilan tanah sedang diproses walaupun kajian dan penyelidikan siap dijalankan.

3. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Bachok, Kelantan**

Pemilihan tapak untuk Pusat Memproses dan Pemingkatan Mutu di Kelantan siap dijalankan. Begitu juga dengan kajian dan penyelidikan tanah telah siap dalam tahun 1975.

4. **Pusat Memproses Kelapa Kering, Rengit, Johor**

Penyediaan pelan dan dokumen-dokumen tender untuk pusat memproses ini siap dijalankan. Tender telah pun dikeluarkan, hanya menunggu keputusan dari pihak Lembaga sahaja lagi.

5. **Pusat Memproses dan Menggred Lada Hitam**

Pihak Lembaga bersama Perunding Konsortium Malaysia telah mengulangkaji pelan-pelan dan penggunaan alatan jentera bagi projek Jemaah Pemasaran Lada Hitam di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru.

6. **Projek Lembaga Pemasaran Ikan**

Projek Lembaga Pemasaran Ikan di Kuching dijangka siap pada penghujung tahun 1971 telah tergendala oleh sebab-sebab yang tak dapat dielakkan. Pihak Lembaga telah menyerahkan tanggungjawab pengendalian projek ini kepada Lembaga Perikanan pada bulan Februari 1976.

7. **Pusat-Pusat Pemasaran**

Pemilihan tapak untuk mendirikan pusat-pusat pemasaran di Tanjong Karang, Sungei Besar dan Kuang dan Pusat Memproses Kelapa Kering di Jeram, Selangor telah siap dijalankan.

8. **Kajian Kemungkinan**

Jabatan ini bersama-sama dengan Jabatan Kemajuan Projek telah menyediakan kertas kerja kemungkinan mendirikan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Buku Hijau dan Program Anti-Stagflasi.

9. **Pusat Memproses Koko, Sabak Bernam**

Jabatan ini masih menunggu perlantikan Jururunding oleh ICDAU untuk mendirikan Pusat Memproses Koko di Sabak Bernam.

10. **Pusat Memproses Kopi, Banting**

Pemeriksaan dan kerja-kerja penyelenggaraan jentera di Pusat Memproses Kopi, Banting sedang dijalankan.

F. **BAHAGIAN PEMASARAN**

i. **KEMAJUAN PASARAN**

1. **Rombongan Perdagangan**

Dalam tahun 1975 FAMA telah menyertai dua rombongan perdagangan yang dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

- a. Eropah Timur; lawatan dibuat ke Jerman Timur, Poland, Czechoslovakia, Yugoslavia, Bulgaria dan Romania.
- b. Eropah Barat; lawatan dibuat ke England, France, Belgium, Netherlands dan Jerman Barat.

Penyertaan dalam rombongan perdagangan ini berpunca dari permintaan ke atas barangan keluaran FAMA yang akan dipasarkan. Jabatan ini bukan sahaja bertanggungjawab di atas penyertaan kakitangan, tapi juga dalam penyediaan contoh-contoh barangan yang akan dipasarkan, dan seterusnya bertanggungjawab kepada perkembangan selanjutnya.

## 2. **Penyertaan Pameran**

Dalam tahun 1975, Lembaga telah menyertai berbagai-bagai pameran yang diadakan di peringkat negeri dan daerah. Penyertaan dalam tiap-tiap pameran ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan jenis barangan pasaran seperti buah-buahan tempatan dan kopi.

## 3. **Program Memajukan Pasaran**

Program memajukan pasaran yang dikendalikan dalam tahun ini dititikberatkan kepada kacang tanah. Program memajukan cap tanda dibuat melalui iklan-iklan dalam akhbar-akhbar tempatan. Lembaga juga telah menghantar contoh-contoh ke luar negeri melalui pejabat Perdagangan Malaysia di seluruh dunia.

## 4. **Risalah Buah-Buahan Tempatan**

Risalah buah-buahan tempatan terus dicetak walaupun kempen buah-buahan agak reda. Dalam tahun 1975, risalah bersiri yang kedua dan ketiga berkenaan dengan betik dan pisang telah dicetak dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris dan ianya terus diedarkan kepada orang ramai. Siri keempat mengenai buah durian dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris. Selain dari itu, risalah tembikai telah diulang cetak bagi kali kedua.

## ii. **PENGAWALAN PASARAN**

Matlamat Skim Peraturan Pemasaran ini untuk mengawal peniaga-peniaga daripada melakukan amalan-amalan yang tidak sihat. Kawalan ini dibuat melalui sistem perlesenan dan peraturan dan juga penyeliaan ke atas perjalanan perniagaan peniaga-peniaga. Sekim ini memuatkan peraturan dan syarat-syarat berkenaan dengan timbangan, pemeringkatan mutu, pembayaran, letak harga dan penyediaan maklumat kepada Lembaga. Penguatkuasaan skim ini diteruskan dalam tahun 1975 untuk menentukan pemegang-pemegang lesen mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang terkandung dalam skim ini.

### 1. **Skim Pemasaran Kopi i**

Skim pemasaran kopi ini dikuatkuasakan di daerah-daerah yang banyak mengeluarkan kopi iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat, Kelang dan Sabak Bernam di Selangor. Sebanyak 270 lesen telah dikeluarkan di bawah sekim ini di mana sebanyak 107 diuntukkan kepada Bumiputera.



## 2. **Skim Pemasaran Kelapa**

Selepas 859 lesen dikeluarkan di bawah rancangan skim Pemasaran Kelapa yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang, Seberang Perai, Perak, Kelantan dan Trengganu. Dari jumlah ini sebanyak 403 telah dikeluarkan kepada Bumiputera.

## 3. **Skim Pemasaran Sayur-Sayuran**

Skim ini mula dilaksanakan pada 1hb April, 1975 di tiga daerah iaitu 1. Mukim Tangkak; 2. Mukim-mukim Sedenak, Senai, Kulai; 3. Mukim-mukim Sg. Tiram, Pelentong, Tebrau, Pulau Jelutong, Tg. Kubang dan Majlis Bandaran Johor Baharu. Sebanyak 410 lesen telah dikeluarkan. Matlamat skim ini bukan sahaja menjamin pengeluar-pengeluar mendapat harga yang berpatutan tetapi juga memastikan pasar-pasar terutamanya di Johor Baharu memperoleh bekalan yang cukup pada kadar yang berpatutan.

## G. **PROJEK PENIAGAAN**

### i. **PROJEK JUALBELI**

Aktiviti perniagaan Lembaga termasuk membeli dan menjual hasil-hasil pertanian, yang diproses dan separuh proses dan eksport dan import hasil-hasil pertanian, dipergiatkan lagi dalam tahun 1975 berikutan dengan tanggungjawab Lembaga menjamin ruang-ruang pasaran bagi hasil-hasil yang dikeluarkan di bawah Rancangan Buku Hijau. Sebelum ini, projek perniagaan ini bertujuan untuk meninggikan lagi pendapatan pekebun-pekebun kecil melalui:

- a. Menyediakan tambahan ruang-ruang pasaran yang dapat menjamin petani-petani mendapat harga-harga jualan mereka dengan berpatutan.
- b. Sebagai satu langkah untuk memberi persaingan dalam pasaran supaya petani mendapat keuntungan dengan adanya permintaan yang tinggi.
- c. Memajukan penanaman hasil-hasil pertanian yang mempunyai potensi pasaran.

Buat masa ini selain daripada program anti-stagflasi, projek perniagaan ini juga bertujuan membekalkan hasil-hasil pertanian kadar harga yang berpatutan kepada pengguna-pengguna.

Prestasi kegiatan aktiviti perniagaan ini dapat dikesan dengan meningkatnya hasil-hasil yang dipasarkan dan bertambahnya kawasan-kawasan yang dijilani dalam tahun 1975.

### 1. **Jumlah Perniagaan**

Dalam tahun 1975, pihak Lembaga telah membeli hasil-hasil pertanian termasuklah belian di bawah Rancangan Buku Hijau bernilai \$3.6 juta. Purata belian bulanan berjumlah sebanyak \$300,000. Barangan utama yang diperniagakan ialah kacang tanah, kelapa dan kelapa kering.

### 2. **Kekesanan Projek**

Dengan penyediaan ruang-ruang pasaran kepada petani-petani, dan persaingan untuk memperoleh hasil-hasil, pembeli-pembeli persendirian terpaksa membayar harga barangan mengikut kadar yang dibayar oleh Lembaga. Dengan adanya persaingan untuk memeringkatkan harga barangan adalah diharapkan petani-petani dapat menikmati hasil-hasil jualan mereka.

Boleh dikatakan projek ini telah berjaya mengatasi masalah pengeluaran kacang tanah yang kritikal pada musim pertama 1975. Lebih pengeluaran kacang tanah dapat dikeringkan dan dijual walaupun dalam keadaan yang meruncingkan. Begitu juga dengan pemasaran ayam itik, di mana pada bulan Oktober 1975, ternakan ayam itik petani-petani di Selangor dapat dipasarkan.

Penglibatan Bumiputera dalam perniagaantani ditingkatkan lagi dengan melantik pengumpul, pengedar, pemeroses, peruncit, agen untuk menyediakan kemudahan pengangkutan dan perlantikan agensi-agensi pemaju kepada Lembaga.

## ii. OPERASI JUAL BELI

### 1. Pusat Memproses Kopi, Kanchong Darat

Pusat memproses kopi memulakan operasinya pada bulan Jun 1973 manakala kilang serbuk kopi pada tahun 1975. Matlamat penubuhan kilang ini untuk menampung permintaan pasaran kopi dan menstabilkan harga pada kadar yang berpatutan. Semenjak operasi ini dimulakan, pusat ini telah membeli 34,800 pikul biji kopi bernilai \$462,000 dan 2,874 pikul biji kopi yang sudah diproses bernilai \$430,000.

Pusat ini dijangka meneruskan operasinya dan tidak ada apa-apa perubahan yang dirancangan berkenaan dengan matlamat, aktiviti belian, buruh dan peruntukan kewangan.

### 2. Pusat Memproses Kelapa Kering, Sabak Bernam

Pusat memproses kelapa kering ini telah memulakan operasinya pada bulan September 1974 dengan modal sebanyak \$170,000. Pusat ini mempunyai tenaga buruh sebanyak 15 orang. Hingga kini, belian telah meningkat kepada 3 juta biji kelapa bernilai \$450,000 manakala jualan kelapa kering lebih kurang 11,500 pikul bernilai \$470,000. Untuk tahun 1976 dan 1977, pusat ini diramalkan meneruskan operasinya seperti biasa dan tidak ada apa-apa perubahan matlamat dan dasarnya.

### 3. Pusat Memproses Kelapa Kering, Bagan Datoh

Pada dasarnya matlamat pusat memproses ini bersamaan dengan pusat memproses di Sabak Bernam, iaitu menjamin ruang-ruang pasaran kepada pekebun-pekebun pada kadar harga yang berpatutan. Pusat ini yang dibina dengan perbelanjaan sebanyak \$180,000 memulakan operasinya pada bulan Mac 1975 telah membeli 955,000 biji kelapa bernilai \$102,513 manakala jualannya pula sebanyak 3,423 pikul kelapa kering bernilai \$114,000. Pada keseluruhannya operasi ini berjalan sebagaimana pusat di Sabak Bernam dikendalikan. Adalah diramalkan pusat ini akan meningkatkan kadar belian pada tahun 1976 dan 1977. Dengan bertambahnya kadar belian, pusat ini memerlukan wang pusingan sebanyak \$100,000 untuk tahun 1976 dan juga 1977.

## H. KIRA-KIRA TAHUNAN

Kira-kira Lembaga yang telah diodit dikepilkan bersama-sama ini.

t.t.  
Datuk Ishak bin Hj. Pateh Akhir,  
Pengerusi  
Lembaga Pemasaran Pertanian  
Persekutuan

t.t.  
Abdul Rahman bin Yusof,  
Timbalan Pengerusi  
Lembaga Pemasaran Pertanian  
Persekutuan

**LAPORAN KETUA ODIT NEGARA MENGENAI  
KIRA-KIRA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1975**

Kunci Kira-kira yang disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota kepada Kira-kira yang berkembar ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati.

Tertakluk pemerhatian-pemerhatian yang berikut, pada pendapat saya Kunci Kira-kira yang disatukan dan Kira-kira ini berserta Nota-nota terhadapnya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan pada 31 Disember 1975 dan perjalanannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

**KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN**

**HARTA TETAP**

**Pusat-pusat Memproses – \$502,060.53**

**Tanah – \$47,979.80 (Nota 1)**

2. Saya masih belum melihat surat hakmilik untuk tiga keping tanah bernilai \$47,980 di Banting, Sabak Bernam dan Bagan Datoh. Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu sebenarnya hakmilik Lembaga.

**HARTA SEMASA**

**Si Berhutang Perniagaan – \$376,324.04**

3. Peruntukan untuk hutang lapuk telah dinaikkan daripada \$381,450 pada akhir tahun 1974 kepada \$669,200 pada akhir tahun 1975 kerana kebanyakan dari hutang-hutang yang berjumlah \$1,045,524 pada akhir tahun 1975 mungkin tidak dapat dikutip balik. Pada pendapat saya, kedudukan ini merosot lagi jika tindakan yang lebih berkesan tidak diambil untuk mengutip balik hutang-hutang tersebut.

**Akaun Tergantung – \$23,896.86 (Nota 5)**

4. Nota 5 dalam Nota-nota kepada Akaun-akaun menyatakan bahawa jumlah \$23,897 ini merupakan baki bersih bayaran-bayaran dan penerimaan-penerimaan yang tidak diketahui kepada siapa yang dibayar dan daripada siapa yang diterima dalam tahun 1974 dan 1975. Keterangan ini tidak mencerminkan kedudukan yang sebenar. Sebenarnya jumlah \$23,897 ini merupakan kekurangan yang bersih sebanyak \$19,429 dalam tahun 1974 dan sebanyak \$4,468 dalam tahun 1975 semasa pemeriksaan tempatan dijalankan oleh pihak FAMA. Laporan penyiasatan yang disediakan oleh pihak FAMA atas kekurangan sebanyak \$19,429 telah menetapkan bahawa kekurangan sebenar ialah \$3,554 sahaja. Walau bagaimanapun tindakan yang sewajarnya masih belum diambil oleh pihak Lembaga atas kekurangan sebenar sebanyak \$3,554 dan penyelesaian baki sebanyak \$15,875. Penyiasatan atas jumlah \$4,468 dalam tahun 1975 masih dijalankan oleh pihak FAMA.

